
CIRCULAR

Date:	10 June 2025	Ref No.:	ID/ALL/HYF-JW-AK/021-25 (Total no. of pages: 2)
To:	UTMC, IUTA, CUTA, PRS PROVIDER, IPRA AND CPRA		
Attn:	Authorised Representative/Chief Executive Officer		

UPDATE ON SERVICES TAX (AMENDMENT) REGULATIONS 2025 - GAZETTE

Background

The Government of Malaysia has announced and published the Service Tax (Amendment) Regulations 2025 [P.U. (A) 172] and Service Tax (Rate of Tax) (Amendment) Order 2025 [P.U. (A) 173] collectively the 'Gazette', on 9 June 2025. This amendment is in line with the Government's ongoing initiative to broaden the tax base.

Key provision

Based on our review of the Gazette and communication with the Royal Malaysian Customs Department (JKDM), the unit trust industry is not specifically listed for exemption under Item 3, Group H, or paragraphs 2(a) and (b) of the amended regulations. This means:

- Financial services **regulated by the Securities Commission Malaysia (SC)** including those provided by fund management companies, and distributors that involve fees, commissions, or other similar payments exceeding RM500,000 annually will be subject to service tax at a **rate of 8%, effective 1 July 2025**.
- No specific exemption is granted under the current regulations for management fees, sales charges, or other related charges imposed by fund management companies and distributors.

Implication to the industry

Accordingly, all fund management companies and distributors providing financial services involving fees, commissions, or sales charges are required to comply with service tax requirements effective 1 July 2025. This includes registration for service tax (if not already registered) and ensuring the accurate collection and submission of tax to JKDM.

Please refer to **Appendix 1 and 2** for the Gazette as published by the Attorney General's Chambers (AGC).

If you require further information or clarification, please contact the Industry Development Department (ID) at ID@fimm.com.my.

Thank you.

Yours faithfully



Heow Yen Fen

General Manager, Industry Services Division
FEDERATION OF INVESTMENT MANAGERS MALAYSIA



9 Jun 2025
9 June 2025
P.U. (A) 172

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2025

SERVICE TAX (AMENDMENT) REGULATIONS 2025

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018**PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2025**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 91 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2025.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 [P.U. (A) 214/2018], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2—

(a) dengan memasukkan sebelum takrif “perkhidmatan kurier” takrif yang berikut:

‘ “aktiviti yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu” ertinya apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu yang berikut:

(a) audiologi;

(b) dietetik;

(c) entomologi (kesihatan awam);

(d) fisioterapi;

(e) fizik perubatan;

- (f) pemakanan;
- (g) psikologi klinikal;
- (h) radiografi diagnostik;
- (i) sains makmal perubatan;
- (j) terapi cara kerja;
- (k) terapi pertuturan-bahasa;
- (l) terapi radiasi;
- (m) teknologi makmal perubatan;
- (n) teknologi pergigian;
- (o) kesihatan persekitaran; atau
- (p) pendidikan kesihatan;

“amalan perubatan tradisional dan komplementari” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [*Akta 775*];

“institusi pendidikan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*];

“institusi pendidikan guru” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pendidikan 1996;

“institusi pendidikan swasta” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pendidikan 1996;

“institusi pendidikan tinggi swasta” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555];

“kemudahan jagaan kesihatan swasta” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586];

“kerja pembinaan” ertinya pembinaan, penyambungan, pemasangan, pembaikan, pembaharuan, pemindahan, pengubahsuaian, pengubahan, perombakan, perobohan atau penyenggaraan kemudahan dalam tempoh kerja pembinaan—

- (a) mana-mana bangunan, binaan, bangunan besar, struktur, dinding, pagar atau cerobong, sama ada dibina keseluruhannya atau sebahagiannya di atas atau di bawah paras bumi;
- (b) mana-mana jalan, kerja pelabuhan, landasan kereta api, laluan kabel, terusan atau lapangan terbang kecil;
- (c) apa-apa kerja saliran, tali air atau pengawalan sungai;
- (d) apa-apa kerja elektrik, mekanikal, petrokimia atau telekomunikasi;
- (e) apa-apa kerja gas atau kerja air; atau

(f) mana-mana jambatan, jejambat, empangan, takungan, kerja tanah, talian paip, salur najis, akueduk, pembedung, pemacu, syaf, terowong atau kerja penebusgunaan,

yang termasuklah apa-apa kerja yang membentuk bahagian yang penting dan perlu atau merupakan persediaan atau sementara bagi kerja yang dinyatakan dalam perenggan (a) hingga (f);

“pendidikan lepas menengah” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pendidikan 1996;

“pendidikan menengah atas” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pendidikan 1996;

“pendidikan menengah rendah” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pendidikan 1996;

“pendidikan prasekolah” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pendidikan 1996;

“pendidikan rendah” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pendidikan 1996;

“perkhidmatan jagaan kesihatan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998;

“pusat kesejahteraan” ertinya mana-mana premis yang menyediakan perkhidmatan yang berikut:

(a) apa-apa rawatan atas mana-mana bahagian badan yang menggunakan apa-apa bahan atau kelengkapan termasuk aromaterapi, akupunktur, refleksologi atau bekam;

- (b) apa-apa penjagaan atau rawatan selepas ibu bersalin dan bayi; atau
 - (c) penjagaan kesejahteraan bagi orang tua;’;
- (b) dalam takrif “Pusat Pemprosesan Kastam”, dengan menggantikan noktah di hujung takrif itu dengan koma bernoktah; dan
- (c) dengan memasukkan selepas takrif “Pusat Pemprosesan Kastam” takrif yang berikut:

‘ “sekolah khas” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pendidikan 1996.’.

Pindaan Jadual Pertama

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Jadual Pertama—

- (a) dalam perenggan 1, dengan menggantikan perkataan “G dan I” dengan perkataan “G, H, I, J, K dan L”;
- (b) dalam Kumpulan A, dalam ruang (2)—
 - (i) dengan menggantikan subbutiran (b) dengan subbutiran yang berikut:
 - “(b) Penyediaan mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain kecuali penyediaan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang disediakan oleh orang kena cukai yang dinyatakan dalam butiran 14 ruang (1) Kumpulan I”;

- (ii) dengan menggantikan subbutiran (c) dengan subbutiran yang berikut:

“(c) Penyediaan perkhidmatan lain di dalam kawasan atau tempat perniagaan di bawah kawalan penyedia perkhidmatan itu kecuali penyediaan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang disediakan oleh orang kena cukai yang dinyatakan dalam butiran 14 ruang (1) Kumpulan I”;

(c) dalam Kumpulan B, dalam ruang (2)—

- (i) dengan menggantikan subbutiran (b) dengan subbutiran yang berikut:

“(b) Penyediaan mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain kecuali penyediaan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang disediakan oleh orang kena cukai yang dinyatakan dalam butiran 14 ruang (1) Kumpulan I”; dan

- (ii) dengan menggantikan subbutiran (c) dengan subbutiran yang berikut:

“(c) Penyediaan perkhidmatan lain di dalam kawasan atau tempat perniagaan di bawah kawalan penyedia perkhidmatan itu kecuali penyediaan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang disediakan oleh orang kena cukai yang dinyatakan dalam butiran 14 ruang (1) Kumpulan I”;

(d) dalam Kumpulan C—

(i) dalam kepala, dengan menggantikan perkataan **“PUSAT KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN”** dengan perkataan **“PUSAT KESEJAHTERAAN”**;

(ii) dalam ruang (1), dengan menggantikan butiran 2 dengan butiran yang berikut:

“2. Mana-mana orang yang mengendalikan pusat kesejahteraan atau rumah urut”;

(iii) dalam ruang (2)—

(A) dengan menggantikan subbutiran (a) dengan subbutiran yang berikut:

“(a) Penyediaan semua jenis perkhidmatan kecuali penyediaan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta, penyediaan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari swasta atau penyediaan perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta yang disediakan oleh orang kena cukai yang dinyatakan dalam butiran 14, 15 atau 16 ruang (1) Kumpulan I”; dan

(B) dengan menggantikan subbutiran (b) dengan subbutiran yang berikut:

“(b) Penyediaan mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain kecuali penyediaan perkhidmatan jagaan

kesihatan swasta yang disediakan oleh orang kena cukai yang dinyatakan dalam butiran 14 ruang (1) Kumpulan I”;

(e) dalam Kumpulan D, dalam ruang (2)—

(i) dengan menggantikan subbutiran (a) dengan subbutiran yang berikut:

“(a) Penyediaan semua jenis perkhidmatan di dalam kelab persendirian itu kecuali penyediaan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang disediakan oleh orang kena cukai yang dinyatakan dalam butiran 14 ruang (1) Kumpulan I”; dan

(ii) dengan menggantikan subbutiran (b) dengan subbutiran yang berikut:

“(b) Penyediaan mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain kecuali penyediaan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang disediakan oleh orang kena cukai yang dinyatakan dalam butiran 14 ruang (1) Kumpulan I”;

(f) dalam Kumpulan E, dalam ruang (2)—

(i) dengan menggantikan subbutiran (b) dengan subbutiran yang berikut:

“(b) Penyediaan mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain kecuali penyediaan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang

disediakan oleh orang kena cukai yang dinyatakan dalam butiran 14 ruang (1) Kumpulan I”;

- (ii) dengan menggantikan subbutiran (c) dengan subbutiran yang berikut:

“(c) Penyediaan apa-apa perkhidmatan lain di dalam kelab golf atau lapang sasaran golf kecuali penyediaan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang disediakan oleh orang kena cukai yang dinyatakan dalam butiran 14 ruang (1) Kumpulan I”;

- (g) dalam Kumpulan G, dalam ruang (2)—

- (i) dalam subbutiran (g), dengan memasukkan selepas subsubbutiran (iii) subsubbutiran yang berikut:

“(iv) berhubung dengan butiran 3 ruang (1) Kumpulan H, penyediaan perkhidmatan perundingan kewangan yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan yang dinyatakan dalam subbutiran (a) ruang (2)”;

- (ii) dalam subbutiran (i)—

(A) dengan memotong subsubbutiran (xii);

(B) dalam subsubbutiran (xiii), dengan menggantikan perkataan “dan” di hujung subsubbutiran itu dengan koma bernoktah;

(C) dalam subsubbutiran (xiv), dengan menggantikan noktah di hujung subsubbutiran itu dengan perkataan “; dan”; dan

(D) dengan memasukkan selepas subsubbutiran (xiv) subsubbutiran yang berikut:

“(xv) berhubung dengan butiran 3 ruang (1) Kumpulan H, penyediaan perkhidmatan pengurusan kewangan yang berhubung dengan perkhidmatan kewangan yang dinyatakan dalam subbutiran (a) ruang (2)”;

(iii) dalam subbutiran (l), dengan memasukkan selepas perkataan “di luar Malaysia” perkataan “atau berhubung dengan butiran 3 ruang (1) Kumpulan H, penyediaan perkhidmatan digital kewangan yang berhubung dengan perkhidmatan kewangan yang dinyatakan dalam subbutiran (a) ruang (2)”;

(iv) dalam subbutiran (n)—

(A) dalam subsubbutiran (i)—

(aa) dengan menggantikan perkataan “perkhidmatan pengurusan penyenggaraan” dengan perkataan “perkhidmatan pengurusan penyenggaraan atau pembaikan termasuk perkhidmatan pengurusan penyenggaraan”; dan

(ab) dengan memotong perkataan “atau” di hujung subsubbutiran itu;

(B) dalam subsubbutiran (ii), dengan memasukkan selepas perkataan “penghuni rumah kediaman” perkataan “; atau”; dan

(C) dengan memasukkan selepas subsubbutiran (ii) subsubbutiran yang berikut:

“(iii) penyenggaraan kemudahan dalam tempoh kerja pembinaan”;

(h) dengan menggantikan Kumpulan H dengan kumpulan yang berikut:

“KUMPULAN H: KEWANGAN

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
1. Mana-mana orang yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia	Penyediaan perkhidmatan baris kredit atau pembiayaan patuh syariah melalui pengaktifan kad kredit utama, kad caj utama, kad kredit tambahan atau kad caj tambahan, sama ada atau tidak dikenakan fi tahunan, tidak termasuk— (i) Penyediaan perkhidmatan baris kredit atau pembiayaan patuh syariah melalui pengaktifan kad caj oleh mana-mana syarikat minyak kepada Kerajaan Malaysia atau mana-mana orang untuk memperoleh produk dan perkhidmatan yang dibekalkan bagi kegunaan atau berkaitan dengan kenderaan yang dimiliki atau digunakan	Tiada

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
	oleh Kerajaan Malaysia atau orang itu; atau (ii) Penyediaan perkhidmatan baris kredit atau pembiayaan patuh syariah melalui pengaktifan kad caj yang digunakan sebagai instrumen pembayaran hanya di dalam premis tempat kerja, institusi pendidikan, atau kelab golf atau sukan oleh tenaga kerja, pelajar atau anggotanya, mengikut mana-mana yang berkenaan	
2. Mana-mana orang yang dikawal selia oleh— (a) Bank Negara Malaysia; atau (b) Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan	(a) Penyediaan perkhidmatan insurans atau takaful bagi perlindungan terhadap apa-apa risiko di Malaysia yang ditanggung oleh seseorang individu tidak termasuk— (i) perkhidmatan insurans perubatan atau takaful perubatan; atau (ii) perkhidmatan insurans nyawa atau takaful keluarga;	RM500,000

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
	(b) Penyediaan perkhidmatan insurans atau takaful kepada organisasi perniagaan tidak termasuk— (i) perkhidmatan insurans atau takaful terhadap risiko yang berhubungan dengan pengangkutan penumpang atau barang— (A) dari suatu tempat di luar Malaysia ke tempat lain di luar Malaysia; (B) dari pintu keluar terakhir di dalam Malaysia ke mana-mana tempat di luar Malaysia; atau (C) dari suatu tempat di luar Malaysia ke pintu masuk pertama di dalam Malaysia;	

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
	(ii) perkhidmatan insurans atau takaful terhadap risiko yang berhubungan dengan pengangkutan penumpang atau barang dari suatu tempat di dalam Malaysia ke suatu tempat lain di dalam Malaysia setakat perkhidmatan itu disediakan oleh penyedia yang sama yang menjadi sebahagian daripada perkhidmatan pengangkutan yang disebut dalam subsbutiran (i)(B) dan (C); (iii) perkhidmatan insurans atau takaful atas institusi pendidikan dan pertubuhan keagamaan yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis; (iv) perkhidmatan insurans atau takaful bagi	

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
	perlindungan terhadap apa-apa risiko yang ditanggung dalam membuat pendahuluan atau pemberian kredit secara terus berkaitan dengan pengeksportan barang, perkhidmatan atau pelaburan di luar Malaysia; (v) perkhidmatan insurans atau takaful bagi perlindungan terhadap apa-apa risiko di luar Malaysia	
3. Mana-mana orang yang dikawal selia oleh— (a) Bank Negara Malaysia; (b) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; atau (c) Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan	(a) Penyediaan perkhidmatan kewangan yang dikenakan fi, komisyen atau bayaran yang seumpamanya tidak termasuk— (i) bayaran berasaskan faedah bagi kemudahan kredit;	RM500,000

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
	(ii) bayaran berasaskan untung bagi pembiayaan patuh syariah; (iii) bayaran yang bersifat punitif; atau (iv) pulangan melalui perbezaan antara harga jualan dengan harga belian; (b) Penyediaan perkhidmatan kewangan yang disebut dalam subbutiran (a) tidak termasuk perkhidmatan yang berikut: (i) perkhidmatan perbankan asas yang berhubungan dengan pengendalian akaun simpanan, akaun semasa atau yang seumpamanya seperti yang berikut: (A) simpanan, pengeluaran, pembayaran atau pindahan wang; (B) pengeluaran kad debit;	

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
	(C) transaksi asas di kaunter; (D) transaksi asas di mesin pengeluaran wang automatik; atau (E) cetakan penyata akaun; (ii) perkhidmatan yang berhubungan dengan barang, tanah atau perkara di luar Malaysia tidak termasuk transaksi kiriman wang keluar Malaysia, yang caj dikenakan kepada pelanggan yang berada di dalam Malaysia; (iii) perkhidmatan secara langsung berkaitan dengan barang yang dihantar dari pintu keluar terakhir di dalam Malaysia ke suatu tempat lain di luar Malaysia; (iv) perkhidmatan transaksi kiriman wang masuk yang diterima ke dalam	

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
	Malaysia yang caj dikenakan kepada ejen kiriman wang yang berada di luar Malaysia; (v) perkhidmatan pembrokeran atau penajajaminan yang berhubungan dengan insurans perubatan atau takaful perubatan yang ditanggung oleh seseorang individu; (vi) perkhidmatan pembrokeran atau penajajaminan yang berhubungan dengan insurans nyawa atau takaful keluarga yang ditanggung oleh seseorang individu; atau (vii) perkhidmatan baris kredit atau pembiayaan patuh syariah melalui pengaktifan kad kredit utama, kad caj utama, kad kredit tambahan atau kad caj tambahan	
4. Mana-mana orang tidak termasuk orang yang	(a) Penyediaan perkhidmatan kewangan termasuk pajakan kewangan,	RM500,000

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
dinyatakan dalam butiran 3	pemfaktoran, pembiayaan perdagangan, kemudahan kredit atau pembiayaan patuh syariah yang dikenakan fi, komisyen atau bayaran yang seumpamanya kecuali— (i) bayaran berasaskan faedah bagi kemudahan kredit; (ii) bayaran berasaskan untung bagi pembiayaan patuh syariah; (iii) bayaran yang bersifat punitif; atau (iv) pulangan melalui perbezaan antara harga jualan dengan harga belian; (b) Penyediaan perkhidmatan yang disebut dalam subbutiran (a) kecuali— (i) perkhidmatan yang berhubungan dengan barang, tanah atau perkara di luar Malaysia;	

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
	(ii) perkhidmatan secara langsung berkaitan dengan barang yang dihantar dari pintu keluar terakhir di dalam Malaysia ke tempat lain di luar Malaysia	”;

(i) dalam Kumpulan I—

(i) dengan memotong butiran 1 dan butir-butir yang berhubungan dengannya;

(ii) dengan memotong butiran 7 dan butir-butir yang berhubungan dengannya;

(iii) berhubung dengan butiran 12—

(A) dalam ruang (1), dengan memotong perkataan “atau penajajaminan”;

(B) dalam ruang (2)—

(aa) dengan memotong perkataan “atau penajajaminan” di mana-mana jua terdapat; dan

(ab) dengan memotong subbutiran (a) dan (b); dan

(C) dengan memasukkan selepas subbutiran (c) subbutiran yang berikut:

“(d) berhubung dengan butiran 3 ruang (1) Kumpulan H, penyediaan perkhidmatan pembrokeran berkaitan dengan perkhidmatan kewangan yang dinyatakan dalam subbutiran (a) ruang (2)”; dan

(iv) dengan memasukkan selepas butiran 13 dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran dan butir-butir yang berikut:

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
“ 14. Mana-mana orang yang mengendalikan atau menyediakan kemudahan jagaan kesihatan swasta yang didaftarkan atau dilesenkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 tidak termasuk— (a) mana-mana universiti atau kolej universiti yang didaftarkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] atau Akta	Penyediaan perkhidmatan jagaan kesihatan	RM1,500,000

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
Universiti Teknologi MARA 1976 [<i>Akta 173</i>] yang mengendalikan atau menyediakan kemudahan jagaan kesihatan swasta; atau (b) kemudahan jagaan kesihatan swasta yang berikut: (i) Pusat Pakar Universiti Malaya; (ii) Pusat Pakar Universiti Kebangsaan Malaysia; (iii) Pusat Pakar Perubatan Universiti Teknologi MARA; dan (iv) Pusat Pakar Perubatan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia		

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
15. Mana-mana orang yang mengendalikan atau menyediakan tempat bagi perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta tidak termasuk kemudahan jagaan kesihatan swasta di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998	Penyediaan perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari	RM1,500,000
16. Mana-mana orang yang mengendalikan atau menyediakan tempat bagi aktiviti yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta tidak termasuk kemudahan jagaan kesihatan swasta di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998	Penyediaan perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu	RM1,500,000

"; dan

(j) dengan memasukkan selepas Kumpulan J kumpulan yang berikut:

“KUMPULAN K: SEWAAN ATAU PAJAKAN

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan sewaan atau pajakan	Penyediaan semua jenis perkhidmatan sewaan atau pajakan aset ketara termasuk apa-apa perkhidmatan lain yang menjadi sebahagian daripada perkhidmatan sewaan atau pajakan itu kecuali penyediaan perkhidmatan— (i) bagi sewaan atau pajakan rumah tempat tinggal; (ii) bagi sewaan atau pajakan bahan bacaan; (iii) bagi sewaan atau pajakan aset ketara yang terletak di luar Malaysia; atau (iv) bagi pajakan aset ketara melalui suatu pajakan kewangan	RM500,000

2. Bagi maksud Kumpulan K, rumah tempat tinggal yang disebut dalam ruang (2) hendaklah termasuk suatu pejabat kecil pejabat rumah, pangsapuri servis, kondominium servis, suite perkhidmatan atau suite kediaman.

KUMPULAN L: KERJA PEMBINAAN

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan kerja pembinaan	Penyediaan apa-apa perkhidmatan kerja pembinaan tidak termasuk bangunan kediaman dan kemudahan awam yang berkaitan dengan bangunan kediaman itu	RM1,500,000

2. Bagi maksud Kumpulan L, bangunan kediaman dan kemudahan awam yang berkaitan dengan bangunan kediaman yang disebut dalam ruang (2) tidak termasuk suatu bangunan kediaman dan kemudahan awam yang berkaitan dengan bangunan kediaman itu yang diluluskan bagi maksud pembangunan bercampur oleh pihak berkuasa tempatan.

KUMPULAN M: PENDIDIKAN

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
1. Mana-mana institusi pendidikan swasta yang didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1996 tidak termasuk— (a) sekolah khas; dan (b) pusat bahasa	Penyediaan perkhidmatan pendidikan prasekolah, sekolah rendah, menengah rendah, menengah atas atau lepas menengah yang mengenakan fi melebihi RM60,000 bagi setiap pelajar bagi setiap tahun akademik	Tiada

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
2. Mana-mana institusi yang berikut: (a) institusi pelajaran tinggi yang didaftarkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971; (b) institusi pendidikan tinggi swasta yang didaftarkan di bawah Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996; atau (c) institusi pendidikan tinggi yang didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1996	Penyediaan perkhidmatan yang berhubungan dengan pendidikan yang disediakan kepada bukan warganegara	Tiada
3. Mana-mana pusat bahasa yang didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1996	Penyediaan perkhidmatan yang berhubungan dengan pendidikan kepada bukan warganegara	Tiada

Dibuat 5 Jun 2025

[MOF.TAX(S)700-5/9/750(37); KE.HF(152)899/03 JLD 3(8); PN(PU2)752/JLD.6]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan II

SERVICE TAX ACT 2018

SERVICE TAX (AMENDMENT) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by section 91 of the Service Tax Act 2018 [*Act 807*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Service Tax (Amendment) Regulations 2025**.

(2) These Regulations come into operation on 1 July 2025.

Amendment of regulation 2

2. The Service Tax Regulations 2018 [*P.U. (A) 214/2018*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2—

(a) by inserting before the definition of “courier service” the following definitions:

‘ “activity relating to allied health” means any activity relating to allied health as follows:

(a) audiology;

(b) dietetic;

(c) entomology (public health);

(d) physiotherapy;

(e) medical physic;

(f) nutrition;

- (g) clinical psychology;
- (h) diagnostic radiography;
- (i) medical laboratory science;
- (j) occupational therapy;
- (k) speech-language therapy;
- (l) radiation therapy;
- (m) medical laboratory technology;
- (n) dental technology;
- (o) environmental health; or
- (p) health education;

“practice of traditional and complementary medicine” has the meaning assigned to it in section 3 of the Traditional and Complementary Medicine Act 2016 [*Act 775*];

“educational institution” has the meaning assigned to it in section 2 of the Education Act 1996 [*Act 550*];

“institute of teacher education” has the meaning assigned to it in section 2 of the Education Act 1996;

“private educational institution” has the meaning assigned to it in section 2 of the Education Act 1996;

“private higher educational institution” has the meaning assigned to it in section 2 of the Private Higher Educational Institutions Act 1996 [*Act 555*];

“private healthcare facility” has the meaning assigned to it in section 2 of the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998 [*Act 586*];

“construction works” means the construction, extension, installation, repair, renewal, removal, renovation, alteration, dismantling, demolition of, or facility maintenance in the construction works period—

- (a) any building, erection, edifice, structure, wall, fence or chimney, whether constructed wholly or partly above or below ground level;
- (b) any road, harbour works, railway, cableway, canal or aerodrome;
- (c) any drainage, irrigation or river control works;
- (d) any electrical, mechanical, petrochemical or telecommunication works;
- (e) any gasworks or waterworks; or
- (f) any bridge, viaduct, dam, reservoir, earthworks, pipeline, sewer, aqueduct, culvert, drive, shaft, tunnel or reclamation works,

which includes any works which form an important and integral part of or are preparatory to or temporary for the works specified in paragraphs (a) to (f);

“post-secondary education” has the meaning assigned to it in section 2 of the Education Act 1996;

“upper secondary education” has the meaning assigned to it in section 2 of the Education Act 1996;

“lower secondary education” has the meaning assigned to it in section 2 of the Education Act 1996;

“pre-school education” has the meaning assigned to it in section 2 of the Education Act 1996;

“primary education” has the meaning assigned to it in section 2 of the Education Act 1996;

“healthcare services” has the meaning assigned to it in section 2 of the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998;

“wellness centre” means any premises which provides the following services:

- (a) any treatment on any part of the body using any substance or equipment including aromatherapy, acupuncture, reflexology or cupping;
- (b) any care or treatment for postnatal mother and infant; or
- (c) wellness care for the elderly;’;

- (b) in the definition of “Customs Processing Centre”, by substituting for the full stop at the end of the definition a semicolon; and
- (c) by inserting after the definition of “Customs Processing Centre” the following definition:

‘ “special school” has the meaning assigned to it in section 2 of the Education Act 1996.’.

Amendment of First Schedule

3. The principal Regulations is amended in the First Schedule—

- (a) in paragraph 1, by substituting for the words “G and I” the words “G, H, I, J, K and L”;

- (b) in Group A, in column (2)—

- (i) by substituting for subitem (b) the following subitem:

“(b) Provision of any other taxable service specified in other Groups except the provision of private healthcare services provided by the taxable person specified in item 14 column (1) of Group I”;

- (ii) by substituting for subitem (c) the following subitem:

“(c) Provision of other services within the area or place of business under the control of service provider except the provision of private healthcare services provided by the taxable person specified in item 14 column (1) of Group I”;

(c) in Group B, in column (2)—

(i) by substituting for subitem (b) the following subitem:

“(b) Provision of any other taxable service specified in other Groups except the provision of private healthcare services provided by the taxable person specified in item 14 column (1) of Group I”; and

(ii) by substituting for subitem (c) the following subitem:

“(c) Provision of other services within the area or place of business under the control of service provider except the provision of private healthcare services provided by the taxable person specified in item 14 column (1) of Group I”;

(d) in Group C—

(i) in the heading, by substituting for the words “**HEALTH AND WELLNESS CENTRES**” the words “**WELLNESS CENTRE**”;

(ii) in column (1), by substituting for item 2 the following item:

“2. Any person operating a wellness centre or massage parlour”;

(iii) in column (2)—

(A) by substituting for subitem (a) the following subitem:

“(a) Provision of all types of services except the provision of private healthcare services,

